

**Pakatan: Dedah empat laporan utama sebelum laksana Pelan Induk Pendidikan
Malaysian Insider
14 September, 2012
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 14 Sept — Pakatan Rakyat (PR) menggesa kerajaan mendedahkan empat laporan utama kepada umum sebelum melaksanakan Pelan Induk Pendidikan Kebangsaan yang dirasmikan baru-baru ini oleh perdana menteri (PM) Datuk Seri Najib Razak dengan mendakwa pelan tersebut tidak mempunyai arah tuju yang jelas bagi meningkatkan mutu pendidikan negara.

Ahli parlimen DAP, Tony Pua (gambar) dalam sidang media hari ini berkata empat laporan tersebut sangat penting terutamanya bagi mengkaji dan menilai sejauh mana tahap pendidikan negara.

Empat laporan tersebut ialah laporan UNESCO (April 2011), laporan Bank Dunia (suku pertama 2010), laporan penilaian panel bebas Malaysia (diketuai Prof Tan Sri Dzulkipli Abd Razak) dan laporan penilaian bebas antarabangsa.

Pua juga mengumumkan pihak PR telah menubuhkan satu unit khas iaitu Taskforce Pendidikan PR (PET) bagi mengkaji dan memberi maklum balas ke atas Pelan Induk Pendidikan 2013-2025 tersebut.

"Saya gesa Kementerian Pendidikan dedahkan dahulu empat laporan tersebut sebelum bertindak melaksanakan pelan baru ini.

"Kami daripada pihak PR juga mahu menyumbang pendapat dalam pelan induk tersebut dan tidak akan mempolitikan isu ini.

"Kami mahu memberi pandangan secara konstruktif dan membina kerana ia melibatkan masa depan negara," kata Pua.

Rabu lalu, pemimpin tertinggi PR menggesa satu Jawatankuasa Khas Parlimen (PSC) ditubuhkan bagi membincangkan Pelan Induk Pendidikan Kebangsaan yang diperkenalkan oleh pentadbiran Najib Razak kerana mendakwa ia satu lagi bukti kegagalan kerajaan di dalam meningkatkan mutu pendidikan negara.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-dedah-empat-laporan-utama-sebelum-laksana-pelan-induk-pendidikan/>